



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengan UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

Pelajar STA104/QMT181 Mendalami Ilmu Statistik Melalui Bengkel

Penulis: Puteri Faida Alya Zainuddin dan Afifah Azmi

MUKAH: Pada 6 Mei 2023, satu Bengkel Asas SPSS bertempat di Bilik Seminar UiTM Kampus Mukah telah diadakan secara bersemuka. Program yang berlangsung selama 3 jam ini telah melibatkan seramai 46 orang pelajar UiTM Kampus Mukah. Bengkel ini mendedahkan pelajar-pelajar dengan teknik asas memasukkan data, analisis statistik deskriptif asas seperti mendapatkan *min*, *median*, *mode*, sisihan piawai dengan semudah satu klik tanpa menggunakan kalkulator, serta menghasilkan graf, carta dan jadual yang berkualiti tinggi. Dengan mempelajari cara menggunakan teknik asas perisian SPSS ini dengan betul, diharap para pelajar yang hadir dapat memproses dan menganalisis pelbagai data statistik dengan mudah dan cekap untuk menghasilkan tafsiran dan laporan projek penyelidikan yang berkualiti dimasa hadapan.



Seterusnya pada 15 Jun 2023 pula, Bengkel Bimbingan Statistik telah dijalankan sebagai salah satu persediaan sebelum menduduki Ujian Percubaan bagi kursus Introduction to Statistics (STA104/QMT181). Seramai 56 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang program telah dipilih berdasarkan kriteria-kriteria tertentu. Pelajar-pelajar yang terpilih ini telah dibahagikan kepada dua sesi bengkel dan dilaksanakan oleh dua orang penceramah yang berbeza. Bengkel selama 3 jam bagi setiap sesi ini telah diadakan pada waktu luar kuliah iaitu pada waktu malam. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi keyakinan dan persediaan kepada pelajar sebelum menduduki Ujian Penilaian Berterusan dan Ujian Peperiksaan Akhir. Bengkel ini juga diharapkan dapat meningkatkan peratusan kelulusan dan menaikkan jumlah pelajar skor A dan A+.

